

 Mahkamah Rayuan
Putrajaya

 21 Januari, 2020

 Bahagian Rayuan Khas,
Jabatan Undang-Undang

HAKIM

YA Datuk Kamardin Hashim
YA Dato' Lee Swee Seng
YA Tuan Ravinthran Paramaguru

PEGUAM HASIL

Wan Hamdanie Wan Mohamad
Marvianna Zainol

MAHKAMAH RAYUAN MEMUTUSKAN ISU HAD MASA MERUPAKAN PERSOALAN FAKTA DAN PERLU DIBICARAKAN OLEH PESURUHJAYA KHAS CUKAI

— STSB v KETUA PENGARAH HASIL DALAM NEGERI

FAKTA RINGKAS

Pembayar Cukai merayu terhadap keputusan Mahkamah Tinggi Shah Alam yang telah menolak Permohonan Kebenaran Semakan Kehakiman atas alasan bahawa permohonan Pembayar Cukai berkenaan isu had masa di bawah subseksyen 91(3) Akta Cukai Pendapatan 1967 ("ACP") melibatkan persoalan fakta dan perlu didengar dan diputuskan oleh Pesuruhjaya Khas Cukai Pendapatan ("PKCP").

HUJAHAN PEMBAYAR CUKAI

1. KPHDN telah melanggar kewajipan statutorinya apabila membangkitkan taksiran tambahan bagi tahun taksiran 2005 di bawah subseksyen 91(3) ACP walaupun maklumat telah dikemukakan sebelum ini.
2. Taksiran yang dibangkitkan adalah agresif kerana KPHDN mengenakan cukai ke atas penerimaan modal sebanyak RM 257,200,000.00 dengan jumlah cukai bersama-sama penalti sebanyak RM 90,020,000.00 selepas 13 tahun.
3. Tidak wujud elemen cuai memandangkan pada semua masa yang material, KPHDN telah pun memiliki semua maklumat berkaitan penerimaan modal tersebut.

HUJAHAN KPHDN

1. Isu had masa melibatkan persoalan fakta yang sepatutnya dibicarakan di hadapan PKCP dan bukannya melalui Semakan Kehakiman.
 2. Borang Q telah pun difailkan dalam tempoh dan Pembayar Cukai dianggap telah memilih saluran *alternative remedy* yang ada di bawah peruntukan ACP.
 3. Isu kecuaiian hanya timbul selepas pengauditan dijalankan dalam tahun 2015.
-

KEPUTUSAN MAHKAMAH

Mahkamah Rayuan sebulat suara menolak rayuan Pembayar Cukai dan mengesahkan keputusan Mahkamah Tinggi dengan memutuskan bahawa isu had masa merupakan persoalan fakta dan perlu dibicarakan serta diputuskan oleh PKCP yang bertindak sebagai *judges of facts*.